

Kos sara hidup yang semakin meningkat akibat plastik

Oleh Dunxin Weng

[Konflik di Asia Barat tidak mencipta kerentanan kita terhadap kejutan harga minyak dan gas](#); malah ia hanya mendedahkan kelemahan yang telah kita bina selama ini, setong demi setong minyak dan sebotol demi sebotol plastik. Gangguan terhadap rangkaian bekalan petrokimia dan plastik global susulan ketegangan yang semakin memuncak di rantau tersebut bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Selama beberapa dekad, kita telah membangunkan keseluruhan ekonomi penggunaan berasaskan bahan api fosil dan produk sampingannya seperti plastik sekali guna.

Keselamatan dan maruah manusia mesti diutamakan

Sebelum segala-galanya, perang adalah krisis kemanusiaan. Di seluruh rantau Asia Barat, masyarakat hidup dalam ketakutan, ketidakpastian dan gangguan dalam kehidupan seharian. Pihak komuniti di negara-negara yang paling terkesan berdepan keganasan, kehilangan nyawa serta perpindahan paksa dari kediaman mereka. Bagi negara lain pula, kesannya dapat dilihat melalui ketidakstabilan yang semakin meningkat, tekanan terhadap kehidupan harian dan hakisan perlahan terhadap syarat asas yang diperlukan untuk hidup dengan selamat dan bermaruah.

Kesan berantai dari Selat Hormuz

Bahan api fosil merupakan bahan mentah utama untuk menghasilkan petrokimia. Petrokimia merupakan sebatian kimia yang diperolehi daripada minyak mentah dan gas asli, dan menjadi asas kepada pelbagai produk harian yang kita gunakan, terutamanya bahan pembungkusan.

Ini bermakna setiap kali sesuatu produk dibungkus menggunakan plastik, rangkaian bekalannya sebenarnya bermula daripada telaga minyak atau gas di suatu tempat di dunia. Apabila harga minyak dan gas meningkat, atau [apabila konflik mengganggu bekalan, kesannya akan dirasai di sepanjang rangkaian bekalan tersebut](#).

Di Asia Tenggara, kita turut merasai tempas konflik ini. Gangguan kepada bekalan minyak dan gas bukan sahaja meningkatkan harga petrol, malah menaikkan kos pengeluaran makanan dan kos pembungkusannya. Kilang berdepan peningkatan kos resin plastik. Petani pula menanggung kos baja yang lebih tinggi. [Sektor pengangkutan dan logistik](#) berdepan peningkatan kos diesel untuk menghantar barangan dari ladang ke kilang dan seterusnya ke pasaran.

Akibatnya, harga barangan yang kita beli setiap hari turut meningkat. Dan seperti biasa, rakyat biasa yang akhirnya terpaksa menanggung kos tersebut.

Pengeluar produk tenusu tempatan, Farm Fresh, telah [memberi amaran mengenai peningkatan kos pembungkusan](#). Bagi pengedar air mineral Spritzer pula, [kos pembungkusan merangkumi antara 30 hingga 40 peratus daripada jumlah kos pengeluaran](#). Ini bermakna kenaikan harga resin PET yang didorong oleh lonjakan harga minyak akan memberi kesan besar kepada keuntungan syarikat.

Malah, sesetengah pengeluar plastik telah mula [menjual produk mereka pada harga antara 15 hingga 40 peratus lebih tinggi](#) berbanding biasa. [Pengilang di Sarawak](#) pula berdepan bekalan bahan mentah yang tidak stabil serta peningkatan kos yang mendadak, sehingga ada yang mungkin terpaksa menghentikan operasi.

[Persatuan Peruncit Malaysia](#) turut memberi amaran bahawa harga barangan runcit dijangka meningkat dalam beberapa bulan akan datang akibat ketegangan yang berterusan. [Persatuan Pengilang Plastik Malaysia](#) pula menjangkakan ketidaktentuan pasaran akan berterusan dalam jangka masa pendek dan sederhana tanpa sebarang petanda kestabilan.

Dalam satu wawancara di rancangan [Consider This terbitan Astro Awani](#), Penasihat Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Sekretariat Pasukan Petugas Pengurusan Krisis Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Nurhisham Hussein, menyatakan bahawa “semuanya melibatkan plastik”. Beliau menegaskan bahawa sebagai produk terbitan minyak, plastik menjadi komponen penting kepada pelbagai barangan keperluan harian, daripada pembungkusan dan pelekat hinggalah kepada tuala wanita, lampin pakai buang dan beg sampah. Kesannya, menurut beliau, “sangat meluas”.

Bagi syarikat yang bergantung kepada bahan mentah petrokimia, kebimbangan utama bukan lagi gangguan bekalan jangka panjang, tetapi kesan segera terhadap keuntungan akibat kenaikan kos bahan yang sukar diganti atau dielakkan.

Walaupun industri sering mendakwa plastik menyumbang kepada pembangunan ekonomi, realiti di lapangan menunjukkan gambaran yang berbeza. Pencemaran plastik memberi kesan paling besar kepada golongan miskin di seluruh dunia. Lebih 200 juta orang yang hidup dalam kemiskinan berdepan risiko banjir yang lebih tinggi akibat pencemaran plastik. Kini mereka juga berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Apa yang sedang kita saksikan ialah satu kesan berantai yang saling memperkukuh antara satu sama lain. Setiap kenaikan kos membawa kepada kenaikan kos yang seterusnya, dan semuanya berpunca daripada sumber yang sama: sebuah ekonomi global yang dibina atas andaian bahawa bahan api fosil akan sentiasa murah dan mudah diperoleh.

Kejutannya rantai bekalan?

Kenaikan harga yang berlaku hari ini merupakan hasil yang boleh dijangka daripada model rantai bekalan yang bergantung kepada bahan api fosil.

Dengan mengurangkan pergantungan kepada hubungan rapat antara bahan api fosil dan petrokimia, kerajaan boleh menangani ketidakadilan yang wujud dalam rantai bekalan plastik serta mengurangkan beban yang ditanggung secara tidak seimbang oleh komuniti yang terpinggir.

Peralihan daripada plastik sekali guna yang mencemarkan kepada sistem guna semula yang mampan dan berasaskan ekonomi kitaran bukan sekadar keperluan alam sekitar. Ia juga merupakan langkah penting untuk membina daya tahan ekonomi.

Selama beberapa dekad, syarikat barangan pengguna bergerak pantas (FMCG) mempunyai peluang untuk melabur dalam sistem guna semula dan isi semula yang boleh mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bahan mentah berasaskan bahan api fosil. Namun ramai yang memilih untuk tidak berbuat demikian.

Kini apabila kos meningkat, beban tersebut dipindahkan kepada masyarakat yang paling kurang berkemampuan untuk menanggungnya.

Tiba masanya untuk tindakan sebenar

Satu perkara perlu ditegaskan: komuniti tidak seharusnya dipaksa menanggung kos akibat model rantai bekalan yang sememangnya rapuh sejak awal.

Persoalannya ialah sama ada kita akan terus mengabaikan masalah ini apabila gangguan semasa berakhir, atau akhirnya mengakui bahawa sistem sedia ada gagal menyediakan daya tahan rantai bekalan yang mencukupi bagi menghadapi kejutan harga komoditi yang sedang menghukum pengguna hari ini.

Alternatif kepada plastik dara (*virgin plastic*) sebenarnya sudah wujud. Sistem guna semula dan isi semula merupakan penyelesaian yang telah terbukti berkesan, boleh diperluaskan dan tersedia untuk dilaksanakan. Apa yang diperlukan sekarang ialah kemahuan politik serta pelaburan yang mencukupi untuk memperluaskan model-model ini.

Deklarasi ASEAN mengenai Hak kepada Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan mengiktiraf hak setiap individu di rantau ini untuk menikmati udara bersih, air yang selamat, ekosistem yang sihat dan kehidupan yang bebas daripada pencemaran toksik. Janji tersebut kini perlu diterjemahkan kepada tindakan.

Kebergantungan yang sama terhadap bahan api fosil yang mendorong kenaikan kos plastik turut memerangkap masyarakat dalam sistem yang lebih luas dan tidak menentu dari segi keselamatan tenaga. Oleh itu, sistem tenaga yang lebih terdesentralisasi dapat memperkasakan komuniti untuk mempunyai kawalan yang lebih besar terhadap kehidupan, sumber pendapatan dan persekitaran mereka sendiri.

Inilah jalan keluar daripada ketergantungan kepada peperangan bahan api fosil dan ketidakstabilan ekonomi yang dibawanya.

